



**UCAPAN BAJET 2025
NEGERI MELAKA**

**YAB DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
KETUA MENTERI MELAKA**

**PEMBENTANGAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025**

**PADA 27 DISEMBER 2024
JAM 3.00 PETANG
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA**

**TEMA:
MEMANGKIN PEMBANGUNAN TERANCANG,
MEMBINA MASA DEPAN GEMILANG**

KANDUNGAN

3 MUKADIMAH

4 PRESTASI EKONOMI

5 PENCAPAIAN BAJET 2024

8 BAJET 2025

11 AGENDA 1 KEPELBAGAIAN EKONOMI DAN PENGUKUHAN DAYA SAING

11 Tumpuan 1: Perancangan Ekonomi, Kewangan, Hal Ehwal Tanah, Agensi Berkaitan Kerajaan, Pelaburan dan Perindustrian

18 Tumpuan 2: Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana

25 Tumpuan 3: Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya

33 Tumpuan 4: Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan

38 Tumpuan 5: Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital

40 Tumpuan 6: Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan

45 AGENDA 2 KEPEDULIAN MASYARAKAT DAN TRANSFORMASI MODAL INSAN BERKUALITI

46 Tumpuan 7: Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti

48 Tumpuan 8: Belia, Sukan dan NGO

51 Tumpuan 9: Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan

54 Tumpuan 10: Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama

59 Tumpuan 11: Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna

61 Tumpuan 12: Pembangunan TVET

63 AGENDA 3 PERKHIDMATAN AWAM CEKAP DAN BERINTEGRITI

63 Tumpuan 13: Perkhidmatan Awam

68 PENUTUP

MUKADIMAH

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan agar satu Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen Perbekalan 2025 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2025” dibaca bagi kali kedua.

BismillahirRahmanirRahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggomit Dunia,
Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat dan
Salam Malaysia MADANI.

- 1.** Dengan penuh takzim, patik bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat jelata negeri Melaka merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, di atas Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-17 pada 20 Julai 2024 yang lepas.
- 2.** Semoga Duli Tuanku kekal qrar bersemayam di atas Singgahsana Takhta Pemerintahan dengan penuh kebesaran dan kedaulatan. Patik serta rakyat jelata negeri Melaka, mendoakan agar Tuanku dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, dikurniakan keafiatan dan kesejahteraan yang berpanjangan... Menjunjung kasih Tuanku.
- 3.** Saya mengambil kesempatan ini bersama seluruh kepimpinan negeri serta sekalian rakyat di bumi bersejarah ini, turut mendoakan Tuan Yang

Terutama, Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka terus maju jaya dalam menaungi Melaka serta dilimpahkan segala kerahmatan-Nya.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

4. Pada hari Sayyidul Ayyam yang penuh barakah ini, saya membuka bicara dengan merakamkan segunung penghargaan kepada barisan kepimpinan Kerajaan Perpaduan dan penjawat awam yang telah memberi sokongan untuk kita sama-sama membina kegemilangan Melaka.

Hajat hati mencari haruan,
Dapat pula anak sembilang;
Erat tautan pimpinan Perpaduan,
Memacu Melaka maju dan gemilang.

PRESTASI EKONOMI

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

5. Tahun 2024 memperlihatkan momentum Ekonomi Malaysia terus mengukuh meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global dan keadaan geopolitik semasa.

- Pada suku tahun ketiga, ekonomi Malaysia berkembang 5.3 peratus, lebih rendah berbanding pertumbuhan 5.9 peratus pada suku tahun kedua.
- Kadar inflasi Malaysia mereda kepada 1.8 peratus pada suku tahun ketiga dan kadar pengangguran kekal pada 3.2 peratus.
- Laporan Tinjauan Ekonomi 2025 mengunjurkan ekonomi Malaysia akan berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus.

6. Ekonomi Negeri Melaka juga dilihat terus berkembang seiring dengan ekonomi negara.
- Pada tahun 2023, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Melaka merekodkan sejumlah 46.9 bilion ringgit berbanding 45.5 bilion ringgit pada tahun sebelumnya, iaitu berkembang pada kadar 3 peratus.
 - Sektor perkhidmatan kekal mendominasi ekonomi negeri Melaka dengan menyumbang sebanyak 51.2 peratus, diikuti oleh sektor pembuatan 36.1 peratus, pertanian 10.3 peratus dan disusuli sektor pembinaan sebanyak 2.1 peratus.
 - Manakala, pendapatan perkapita Melaka adalah sebanyak 53,922 ringgit berbanding 50,407 ringgit pada tahun sebelumnya.
 - Bagi suku ketiga tahun 2024, kadar inflasi negeri Melaka berada pada paras terkawal iaitu 1.3 peratus berbanding 1.9 peratus bagi kadar nasional.
 - Kadar pengangguran negeri Melaka pula adalah 2.1 peratus, iaitu lebih rendah berbanding 3.2 peratus kadar nasional.

PENCAPAIAN BAJET 2024

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

7. MANA LAGI? MELAKA LER! Alhamdulillah, Tahun Melawat Melaka 2024 telah mempamerkan sinar kejayaannya.
8. Lagu tema *Senandung Anak Melaka* terus menggamit jutaan pelancong memenuhi pusat tumpuan dari Sungai Rambai sehingga ke Kuala Linggi.
9. Ditambah pula, pelbagai acara pelancongan dan inisiatif-inisiatif di luar kotak telah membawa hasilnya di mana sehingga November 2024, Melaka mencatatkan kehadiran 13.6 juta pelancong dan pengunjung.

Jarum hilang dalam jerami,
Kain kebaya di atas peti;
Selamat datang ke negeri kami,
Nama Melaka terpahat di hati.

Orang Melaka berbaju pesak,
Kainnya pula Panjang berjela,
Sana sini jalan sesak,
Mana lagi? Melaka Ler!

- 10.** Ramai yang kata, “Melaka tak rileks”. Manakan tidaknya... produk pelancongan pun kita lanjutkan sehingga 2 pagi sehingga meletakkan Melaka sebagai negeri pertama yang mewujudkan produk Melaka Bila Larut Malam.
- 11.** Alhamdulillah... inisiatif ini mendapat sambutan yang hebat daripada 88 ribu pengunjung dan pelancong sekali gus memberi impak positif kepada ekosistem pelancongan domestik.
- 12.** Justeru, pencapaian ini menyuntik semangat Kerajaan Negeri untuk terus memperkasa sektor pelancongan demi membawa limpahan kemakmuran ekonomi kepada rakyat Melaka.
- 13.** Melaka terus dipandang tinggi oleh Kerajaan Persekutuan sehingga diberi kepercayaan untuk menganjurkan dua acara mega bertaraf antarabangsa, iaitu Hari Pelancongan Sedunia (*World Tourism Day*) dan Persidangan Pelancongan Sedunia (*World Tourism Conference*) pada September 2025 dengan tema ‘*Tourism and Sustainable Transformation*’ melibatkan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).
- 14.** Dulu... kita mempromosikan Melaka ke luar negara, tetapi sekarang... sebagai kota pelancongan terbaik, kita membawa dunia ke negeri Melaka pula.

- 15.** Acara mega ini dijangka akan menghimpunkan delegasi dari 159 negara serta ahli-ahli United Nations World Tourism Organization (UNWTO), antaranya dengan penglibatan Menteri-menteri Pelancongan Sedunia. Terima kasih Kerajaan Persekutuan dan MOTAC atas kepercayaan ini.
- 16.** Secara keseluruhan, pencapaian inisiatif Bajet 2024 adalah melebihi 90 peratus. Di sisi lain, terdapat TIGA pencapaian utama daripada inisiatif Bajet Tahun 2024 iaitu:

Pertama: Inisiatif **Zon Bebas Kenderaan di Banda Hilir** telah menerima dua pengiktirafan dari *Malaysia Book of Records*, iaitu *First Aid Station* dan *Longest Duration in a Car Free Zone* dengan kehadiran 2.3 juta pelancong bersamaan 137 ribu bagi purata bulanan.

Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan Zon Bebas Kenderaan agar tidak lagi terhad pada hujung minggu, seperti di bandar warisan dunia lain setelah mendapatkan maklum balas dan perundingan bersama semua *stakeholder* yang terlibat.

Kedua: Inisiatif **Kampung Digital** yang pertama di Malaysia dengan penggunaan kod QR bertujuan memodenkan sistem alamat rumah di komuniti kampung serta meningkatkan kualiti akses data perkhidmatan rakyat.

Projek ini telah menerima pengiktirafan SIRIM dan cap dagangan logo, menjadikannya model kampung digital di seluruh negara.

Dengan peruntukan Kerajaan Negeri dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bernilai 3.4 juta

ringgit, 618 data kampung telah berjaya direkodkan dan penyediaan alamat baharu akan selesai sepenuhnya pada akhir tahun 2024.

Kerajaan Negeri bercadang melancarkan projek ini secara rasmi bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2025 dengan harapan ia dijadikan model untuk diperluaskan ke seluruh negara.

Ketiga: Julung kalinya... Melaka mewujudkan inisiatif **Paramedik Komuniti (PARAKOM)** yang pertama di Malaysia. Ini merupakan usaha Kerajaan Negeri melestarikan sektor kesihatan sekali gus menyantuni bantuan kecemasan awal secara PERCUMA di kawasan kampung termasuk pusat tumpuan pelancongan.

Sehingga Disember 2024, seramai 929 orang telah mendaftar sebagai ahli PARAKOM. Insya-Allah, Kerajaan Negeri sentiasa membuka peluang kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk berkhidmat sebagai PARAKOM.

BAJET 2025

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

17. Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik pembentangan **Belanjawan Malaysia 2025** oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.
18. Secara keseluruhan, Belanjawan Malaysia ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan struktur ekonomi negara terus kukuh dan stabil.

- 19.** “Kecil tapak tangan, seluas lautan kami tадahkan”. Kerajaan Negeri berbesar hati menerima peruntukan projek yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk negeri Melaka, antaranya:
- **Pembinaan Pusingan U Bertingkat dan Direct U-Turn dari Persimpangan Pulau Gadong hingga Persimpangan Taman Cheng Perdana, Melaka Tengah;**
 - **Pembinaan Pasar Besar Melaka Sentral;** dan
 - **Pembinaan Balai Polis baharu di Tanjung Minyak, Melaka.**
- 20.** Kerajaan Negeri Melaka juga amat berterima kasih atas kelulusan projek **Pembinaan Lebuh Raya WCE bagi jajaran Banting ke Gelang Patah** melalui pendekatan *Public Private Partnership* (PPP).
- 21.** Saya yakin, projek ini akan merangsang pembangunan yang lebih mampan dan memperkuat ekonomi masyarakat setempat.
- 22.** Pastinya, Bajet 2025 ini bersifat komprehensif merangkumi pelbagai perancangan pembangunan berstruktur untuk kemakmuran bersama, termasuk bantuan kebajikan, dan program-program inklusif bersesuaian keperluan setiap golongan masyarakat.

Tanam pinang rapat-rapat,
Biar senang puyuh berlari;
Bajet inklusif pilihan tepat,
Negeri sejahtera lagi lestari.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 23.** Bajet kali ini amat besar maknanya buat negeri Melaka. Maka, setelah diperhalusi... **Anggaran Hasil** Kerajaan Negeri berjumlah **498 juta ringgit** dengan pecahan berikut:

- **Hasil Cukai** berjumlah **177.3 juta ringgit**;
 - **Hasil Bukan Cukai** berjumlah **279.7 juta ringgit**; dan
 - **Terimaan Bukan Hasil** berjumlah **41 juta ringgit**.
- 24.** Kerajaan Negeri mengekalkan inisiatif **Bajet Lebihan** dengan **Anggaran Perbelanjaan Mengurus** berjumlah **497.7 juta ringgit**, iaitu:
- **15.9 juta ringgit** bagi **Maksud Tanggungan**; dan
 - **481.9 juta ringgit** bagi **Maksud Bekalan**.
- 25.** **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan** pula berjumlah **88 juta ringgit** iaitu:
- **57.1 juta ringgit** daripada sumber **Hasil Negeri**.
 - **28.4 juta ringgit** daripada **Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Geran TAHAP)**.
 - **2.5 juta ringgit** daripada ***Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)***; dan
 - **20 ringgit token** daripada **Akaun Pinjaman Disatukan**.
- Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
- 26.** Menuju transformasi pelaksanaan inisiatif yang lebih berkesan, oleh itu... Bajet 2025 dirangka dengan tema **MEMANGKIN PEMBANGUNAN TERANCANG, MEMBINA MASA DEPAN GEMILANG** berlandaskan **tiga agenda utama**, iaitu:
- Pertama:** **Kepelbagaian Ekonomi Dan Pengukuhan Daya Saing;**
Kedua: **Kepedulian Masyarakat Dan Transformasi Modal Insan Berkualiti;** serta
Ketiga: **Perkhidmatan Awam Cekap Dan Berintegriti**

- 27.** Bajet 2025 akan dilaksanakan secara komprehensif melalui 12 tumpuan utama berdasarkan 11 portfolio EXCO dan satu tumpuan khusus melibatkan perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

AGENDA 1: KEPELBAGAIAN EKONOMI DAN PENGUKUHAN DAYA SAING

**TUMPUAN 1: PERANCANGAN EKONOMI, KEWANGAN, HAL EHWAL TANAH,
AGENSI BERKAITAN KERAJAAN, PELABURAN DAN
PERINDUSTRIAN**

- 28.** Sejak Januari hingga September 2024, Alhamdulillah... negeri Melaka mencatatkan nilai pelaburan memberangsangkan iaitu sebanyak 5 bilion ringgit, dengan 0.8 bilion ringgit daripada pelaburan asing dan 4.2 bilion ringgit daripada pelaburan domestik.
- 29.** Meskipun Melaka merupakan negeri yang kecil, namun Melaka sentiasa menjadi destinasi tumpuan pelabur-pelabur asing.
- 30.** Sebab itu... Kerajaan Negeri sentiasa mempromosikan negeri Melaka bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan yang sudah semestinya akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negeri ini.
- 31.** Kini, penduduk negeri Melaka mencatatkan seramai 1.05 juta, di mana lebih 109 ribu orang merupakan sumber tenaga kerja dalam sektor industri di Melaka.
- 32.** Ini membuktikan Kerajaan Negeri komited menyediakan limpahan peluang pekerjaan yang lebih meluas kepada rakyat khususnya dalam sektor industri sekali gus membantu ekonomi negeri.

- 33.** Namun, salah satu cabaran utama bagi negeri Melaka adalah menyediakan lebih banyak kawasan perindustrian untuk menarik pelaburan dengan hanya memiliki 22 kawasan industri dan 581.4 ekar kawasan kosong untuk tujuan industri.
- 34.** Lantas, Kerajaan Negeri bertekad akan terus meneroka kawasan industri baharu bagi meningkatkan lagi prospek pelaburan ke negeri Melaka.

Menyentuh tentang inisiatif pertama: Pembangunan Kawasan Industri Baharu;

- 35.** Dalam Bajet 2024, saya telah membentangkan cadangan pembangunan kawasan industri baharu, dan hari ini saya ingin berkongsi perkembangan terkini mengenai inisiatif tersebut.
- 36.** Pertama; Kerajaan Negeri telah mendapat sambutan positif daripada pihak industri melalui pembangunan **German Technology Park (GTP)** seluas 460 ekar yang dijangka mencipta 10,000 peluang pekerjaan melibatkan elektrik, elektronik dan sebagainya.
- 37.** Penganjuran *Deutscher Brand Summit 2024* yang diadakan pada Oktober lalu memperlihatkan sokongan kuat antarabangsa terhadap projek ini, yang dijangka mula ditawarkan kepada pelabur pada tahun 2025.
- 38.** Kedua; Pihak MCorp juga sedang menjalankan kajian pembangunan **MCorp Hi-Tech Park** seluas 5,000 ekar di bahagian utara Melaka sekitar Alor Gajah dan Masjid Tanah yang berpotensi mengukuhkan kedudukan Melaka sebagai hub perindustrian berteknologi tinggi.

Inisiatif kedua: Pembangunan Kluster Industri di Wilayah Tengah

- 39.** Realitinya, Melaka tidak termasuk dalam mana-mana koridor pembangunan di bawah Kerajaan Persekutuan atau mempunyai identiti kluster khusus dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP2030).

- 40.** Sebaliknya, Melaka terlibat dalam industri yang serupa dengan negeri-negeri berdekatan seperti sektor aeroangkasa.
- 41.** Sebagai langkah penyelarasan untuk membangunkan kluster industri Wilayah Tengah, MIDA telah bekerjasama dengan ketiga-tiga negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor bersama Wilayah Persekutuan yang berfokuskan kepada sektor **elektrik dan elektronik, aeroangkasa, pembuatan makanan dan farmaseutikal**.
- 42.** Saya percaya, usaha ini akan meningkatkan peluang dan potensi Melaka dalam sektor-sektor berteknologi tinggi.

Inisiatif ketiga: Pembangunan Ekonomi Biru

- 43.** Kerajaan Negeri Melaka akan memberi tumpuan kepada pembangunan Ekonomi Biru atau *Blue Economy* bertujuan untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar terhadap industri seperti perikanan, akuakultur, tenaga marin boleh diperbaharui dan pelancongan marin.
- 44.** Kerajaan Melaka telah menganjurkan *1st Melaka International Maritime Economy Conference (MIMEC24)*, untuk mengembalikan peranan ekonomi maritim Melaka sepetimana kegemilangan perdagangan maritim suatu ketika dahulu.
- 45.** Terbaru, Melaka telah melakar sejarah apabila buat julung kalinya menerima kehadiran kapal persiaran mewah **Genting Dream Cruise** sejak 11 November 2024 telah mencatatkan 24 ribu penumpang yang singgah di Melaka.
- 46.** Selain itu, kapal **Blue Dream Melody** dari Shanghai, China juga telah tiba di Melaka pada 15 Disember 2024 dengan membawa 1,000 pelancong.

47. Pada tahun hadapan, perairan Melaka akan terus menjadi tumpuan laluan perjalanan dan persinggahan beberapa kapal persiaran sekali gus meletakkan Melaka sebagai **hab persinggahan kapal pesiar**. Antaranya:

- **Seven Sea Voyager** dan **Riviera** yang dijangka tiba pada bulan **Januari 2025**;
- Kapal **Star Scorpio** pada **Mac 2025**; dan
- Kapal pesiar **Regatta** dan **Nautica** pada bulan **April 2025**.

48. Dalam usaha merancakkan industri maritim dalam kawasan *Straits of Melaka Waterfront Economic Zone* (SM-WEZ), Kementerian Pengangkutan telah meluluskan tiga lesen pelabuhan iaitu *Melaka Straits International Port*, *Multipurpose Deep Seaport* dan *Melaka International Cruise Terminal* bagi pelaksanaan gerak kerja selanjutnya.

Inisiatif keempat: Pembangunan Sempadan Negeri

- 49.** Saya melihat adanya potensi besar sempadan pembangunan yang boleh dimanfaatkan secara bersama antara Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.
- 50.** Menjengah ke hadapan, pembangunan sempadan negeri ini dicadangkan akan dijenamakan semula sebagai **Zon Ekonomi Anjung Selatan**.
- 51.** Hasil sesi perbincangan bersama Menteri Besar Johor dan Negeri Sembilan, mereka menyambut baik cadangan ini yang dilihat bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan ketiga-tiga negeri.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif kelima: *Ease of Doing Business*

52. Kerajaan Negeri serius memacu pembangunan SM-WEZ dengan melengkapkan **Kajian Environmental Impact Assessment (EIA)** berkelompok bernilai **2.8 juta ringgit** bagi mempercepatkan perancangan penambakan pembangunan.
53. Saya mahu Agensi Kerajaan, termasuk Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan serta Agensi Teknikal Negeri dan Persekutuan memastikan **kelulusan permohonan pembangunan** berjalan lancar.
54. Selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan dalam memposisikan Malaysia tergolong di bawah senarai 12 ekonomi terbaik dunia, Kerajaan Negeri Melaka sederap langkah melaksanakan prinsip *ease of doing business* dengan mewujudkan inisiatif di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti:
 - **Investor Development Easy Approval and License (IDEAL)** oleh Majlis Melaka Bandaraya Bersejarah (**MBMB**);
 - **Melaka Industrial Booster (MIB)** oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (**MPHTJ**); dan.
 - **Jasin Development Initiative (JDI)** oleh Majlis Perbandaran Jasin (**MPJ**).
55. Lantaran itu, **Invest Melaka** diperuntukkan **500 ribu ringgit** untuk operasi tahunan sebagai penggerak utama yang perlu bertindak proaktif dalam memudahkan urusan antara Jabatan Kerajaan dan pelabur.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif keenam: Pengurusan Kewangan

56. Di sini, saya menegaskan pentingnya pengurusan kewangan yang baik. Alhamdulillah, **Penyata Kewangan 2023** telah menerima Sijil Ketua Audit Negara bagi Pendapat Tanpa Teguran Dengan Perenggan Hal-hal Lain, khususnya berkenaan penambahbaikan dalam pengurusan Akaun Belum Terima dan bayaran balik pinjaman.
57. Kerajaan Negeri komited memastikan **kutipan hasil negeri** terus meningkat termasuk melalui sumber hasil baharu bagi pelaksanaan program dan projek untuk manfaat rakyat.
58. Syukur Alhamdulillah... 16 jabatan yang terlibat telah berjaya mengutip hasil berjumlah 484 juta ringgit melebihi 100 peratus sasaran yang telah ditetapkan.
59. SELAYAKNYA, Kerajaan Negeri MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA JABATAN YANG TERLIBAT!

Seterusnya, inisiatif ketujuh: Pengurusan Hal Ehwal Tanah.

60. Hasil tanah menyumbang 63 peratus kepada kutipan hasil negeri Melaka. Bagi memperkuuh pengurusan tanah, Kerajaan Negeri bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan pihak swasta telah menandatangani **Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah** secara Kerjasama Awam Swasta.
61. Sebagai galakan kepada pembayar cukai serta meningkatkan **kutipan hasil tanah**, dengan ini... Kerajaan Negeri MENGUMUMKAN **DISKAUN**:

- **10 peratus** ke atas **tunggakan Cukai Tanah** kepada pemilik tanah yang dapat **menyelesaikan tunggakan sebelum 31 Mei 2025**; dan
- **5 peratus** ke atas **bayaran Premium Tanah** yang diterima dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Borang 5A dikeluarkan**.

Inisiatif kelapan: Peranan Agensi dan Anak Syarikat Dalam Pembangunan Negeri

62. Saya memantau rapat prestasi dan pencapaian 13 agensi serta 65 anak syarikat bagi memastikan agensi dan anak syarikat ini berfungsi mengikut objektif penubuhan masing-masing.
63. Berdasarkan penilaian pada Jun 2024, satu syarikat diiktiraf sebagai *Excellence Performer*, lima agensi dan syarikat sebagai *Top Performers* serta 26 agensi dan anak syarikat dalam *Road to Top Performers*. Penilaian semula terhadap 12 syarikat berstatus *ICU* menunjukkan dua syarikat mengalami peningkatan prestasi.
64. Selanjutnya, sebanyak **91.8 juta ringgit** akan dilaburkan untuk **perbelanjaan pembangunan** berdasarkan perancangan **agensi dan anak syarikat** pada tahun 2025.
65. Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri memberikan pengiktirafan kepada pencapaian agensi dan anak syarikat melalui **Anugerah CEO of The Year**.
66. Dengan ini, saya mengucapkan tahniah kepada **YBhg. Datuk Wira (Dr) Hajah Radhuana binti Salleh** yang diiktiraf sebagai **CEO of The Year** dan **Melaka ICT Holdings Sdn Bhd** sebagai penerima **Excellence Performer**.
67. Begitu juga, penerima **5 Top Performers** iaitu **Lembaga Tabung Amanah Melaka, Perbadanan Ketua Menteri Melaka, Kumpulan Melaka Berhad, Melaka Bekal Sdn Bhd dan Pembangunan Pertanian Melaka Sdn Bhd**.

- 68.** Saya berharap agar setiap ketua agensi dan anak syarikat menjadikan penilaian ini sebagai motivasi untuk terus memberi sumbangan terbaik kepada negeri Melaka yang kita cintai.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

**TUMPUAN 2: PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, SALIRAN,
PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURUSAN BENCANA**

- 69.** SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA; YB DATUK RAIS, EXCO KANAN PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, SALIRAN, PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURUSAN BENCANA

Inisiatif pertama: Kemudahan Perumahan

- 70.** Kerajaan Negeri Melaka optimis menyasarkan peratus pemilikan rumah di negeri ini terus meningkat sehingga 88 peratus menjelang tahun 2030.
- 71.** Saya cukup berbangga apabila Melaka diiktiraf ‘KEKAL JUARA’ harga rumah terendah di Malaysia berdasarkan laporan daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).
- 72.** Buktinya, **harga purata rumah di Melaka bernilai 235,581 ringgit berbanding 475,128 ringgit di peringkat nasional pada suku ketiga tahun 2024.**
- 73.** Bagi memperkasa projek perumahan Melaka untuk menyantuni keperluan kumpulan sasar, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Melaka memperkenalkan **5 inisiatif** berikut:

Pertama: Penetapan 10 peratus **Rumah Kos Rendah (RKR)** bagi pembangunan perumahan lebih 10 ekar menerusi Dasar Perumahan Negeri Melaka. Sehingga kini, 751 unit RKR telah

dibina, 1,124 unit dalam pembinaan, dan 1,341 unit lagi masih dalam perancangan.

Kedua: **Rumah Mampu Milik (RMM)** disediakan dengan harga serendah 180 ribu ringgit seunit. Sehingga November 2024, sebanyak 53,147 unit dibangunkan, di mana 13,334 unit telah siap, 20,825 unit dalam pembinaan dan 18,988 unit masih dalam perancangan.

Apa yang penting, tidak ada rakyat yang terpinggir termasuk 9,138 unit Rumah Mampu Milik telah disediakan di **DUN Bemban** dan 1,129 unit Rumah Mampu Milik di **DUN Sungai Udang** untuk memiliki harga Rumah Mampu Milik.

Indah lampu berwarna-warni,
Dapat menyuluh kawasan tetangga;
Rumah Mampu Milik diserahkan kini,
Tempat berteduh seisi keluarga.

Ketiga: Penjenamaan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada **Program Residensi Rakyat (PRR)**. Setakat ini, sebanyak 575 unit di tiga lokasi iaitu PRR Tangga Batu telah siap dan dihuni, PRR Klebang sedang dibina dan dijangka siap pada Mei 2025, manakala PRR Bukit Katil masih dalam perancangan dan dijangka bermula pada 2025.

Keempat: **Program Melaka Rumahku**, iaitu Skim Bantuan Pembinaan Rumah Baharu secara PERCUMA DITERUSKAN dengan peruntukan sebanyak **3 juta** ringgit pada tahun hadapan.

Sehingga kini, 34 unit rumah telah siap dibina di Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Kerajaan Negeri juga mencadangkan agar dana wakalah agensi dan anak syarikat

daripada Pusat Zakat Melaka digunakan untuk memperbanyak pembinaan rumah di bawah program ini tertakluk kepada syarat-syarat penggunaan wang zakat.

Kelima: Bagi menyantuni rakyat yang terjejas akibat bencana atau kecemasan... Kerajaan Negeri menyediakan **Program Rumah Transit** dengan sasaran **satu DUN, satu Rumah Transit**.

Lima DUN telah pun memiliki Rumah Transit, iaitu **Tanjung Bidara, Paya Rumput, Merlimau, Duyong dan Taboh Naning**. LPM bercadang untuk melanjutkan program ini ke **tiga DUN lagi**, iaitu **Lendu, Serkam dan Pantai Kundor** pada tahun **2025**.

Inisiatif kedua: Kemudahan Awam

74. Perlu diketahui... kemudahan awam sentiasa dititikberatkan di bawah pentadbiran saya. Justeru, antara projek dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti:

Pertama: Majlis Melaka Bandaraya Bersejarah (**MBMB**) akan **menaik taraf Trek Pejalan Kaki di Tapak Lama Monorel** dengan anggaran kos **10 juta ringgit** dan dijangka siap pada 2026.

Kedua: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (**MPHTJ**) akan melaksanakan projek berjumlah **1.5 juta ringgit**, termasuk **naik taraf Dewan Bukit Beruang, menurap semula jalan dan tempat parkir di Kompleks Melaka Mall serta membaik pulih Wakaf Rehat dan Teduhan Pameran Haiwan di Zoo Melaka**.

Ketiga: Majlis Perbandaran Alor Gajah (**MPAG**) akan melaksanakan **projek pencahayaan di Dataran Keris dan sembilan lokasi**

lain sekitar Alor Gajah dengan anggaran kos **600 ribu ringgit**.

Dan;

Keempat: Majlis Perbandaran Jasin (**MPJ**) akan **menaik taraf infrastruktur Laman Belia Sungai Rambai** dengan peruntukan **4 juta ringgit** daripada MOTAC.

Inisiatif ketiga: Kebersihan dan Keceriaan

- 75.** Hala tuju Melaka cukup jelas dalam melestarikan aspek kebersihan dan keceriaan.
- 76.** Saya mendengar keluhan rakyat Sungai Udang mengenai tapak pelupusan sampah... Setelah memanjangkan hal ini kepada Kerajaan Persekutuan, Melaka telah menerima peruntukan **5 juta ringgit** bagi membina **sel tambahan di Tapak Pelupusan Sampah Sisa Pepejal Sungai Udang** sementara menunggu projek insinerator memulakan operasi di kawasan tersebut.
- 77.** Projek insinerator tersebut merupakan projek *Private Finance Initiative (PFI)* yang dijangka siap pada tahun 2028.
- 78.** Sebagai persediaan menyambut Hari Pelancongan Sedunia dan Hari Persidangan Pelancongan Sedunia 2025, saya menyeru semua PBT terus menceriakan kawasan masing-masing, terutamanya di pintu-pintu masuk negeri.
- 79.** Untuk itu, terima kasih dizahirkan kepada Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka atas usaha menjaga kebersihan dan keceriaan kawasan, terutamanya sepanjang Tahun Melawat Melaka 2024.

- 80.** Seperkara lagi, semua sedia maklum, Jejantas Melaka Sentral telah bertukar wajah dengan konsep warisan seni bina Istana Melaka sehingga tular di media sosial.

Harum semerbak bunga kemboja,
Harum lagi si bunga cempaka;
Nama diberi Jejantas Tun Teja,
Mercu baharu negeri Melaka.

- 81.** Dengan ini...Kerajaan Negeri mengumumkan nama **Jejantas Melaka Sentral sebagai JEJANTAS TUN TEJA** yang bakal menjadi satu lagi daya tarikan dan mercu tanda baharu pelancongan negeri Melaka.

Inisiatif keempat: Pemerkasaan Golongan Peniaga

- 82.** Bagi memperkasa ekonomi golongan peniaga, Kerajaan Negeri memfokuskan **5 inisiatif:**

Pertama: **Projek Membina Pasar Besar Melaka Sentral** dengan kos **15 juta ringgit** dan **Membina Baharu Pasar Jasin** dengan kos **8.4 juta ringgit**.

Kedua: **Kerja-kerja baik pulih dan naik taraf Pusat Penjaja seperti Medan Ikan Bakar di Alai, gerai di sekitar Alor Gajah dan Pasar Masjid Tanah.**

Ketiga: Penyusunan semula kawasan peniaga di Pantai Klebang di bawah jenama **Klebang Walk**.

Keempat: **MyKiosk** memberi manfaat kepada **115 peniaga berdaftar**.
Dan;

Kelima: **Empat unit pavilion** di hadapan Jam Besar Stadthuys, Banda Hilir yang telah mula beroperasi sejak 1 Mac 2024. Manakala **17 unit pavilion** lagi akan mula beroperasi pada **Januari 2025.**

Inisiatif kelima: Kemudahan Rekreasi

83. Bermula tahun hadapan, Kerajaan Negeri Melaka memperkenalkan **Recreational Vehicles (RV)** untuk menarik minat pengembala singgah bermalam di tapak-tapak RV di bawah seliaan keempat-empat PBT Melaka. Antaranya,

- **Bukit Serindit;**
- **Tasik Ayer Keroh;**
- **Pantai Padang Kemunting;**
- **Pantai Tanjung Bidara;** dan
- **Taman Ekstrem Tasik Chinchin.**

84. Selain itu, setiap PBT juga menaik taraf kawasan riadah bagi memastikan keselamatan rakyat seperti:

Pertama: **Menyelenggara dan membaiki taman permainan dan pusat aktiviti kanak-kanak** di bawah **MBMB.**

Kedua: **Pembaikan kawasan riadah di Taman Botanikal dan Dataran Sejarah** di kawasan **MPHTJ.**

Ketiga: **Naik taraf kawasan rekreasi di Bukit Beringin dan kemudahan permainan dalam taman perumahan** dalam kawasan **MPAG.**

Keempat: **Cadangan naik taraf 10 kawasan lapang kemudahan riadah keluarga di taman-taman perumahan** di kawasan **MPJ.**

Inisiatif keenam: Pembangunan Teknologi Hijau

85. Hari ini saya nak berkongsi kegembiraan apabila Melaka terus menjadi pilihan utama pelabur industri automotif.
86. Baru-baru ini, saya berpeluang merasmikan pengeluaran kereta cekap tenaga yang ke-1,000 kilang pembuatan **Kenderaan Cekap Tenaga (EEV)** dan **Kenderaan Elektrik (EV)** di kawasan Perindustrian HICOM Pegoh. INI SUATU YANG AMAT MEMBANGGAKAN!
87. Sejajar dengan pemerkasaan inisiatif hijau, sebanyak **1 juta ringgit** disalurkan kepada **Perbadanan Teknologi Hijau Melaka** bagi melaksanakan program seperti **Skim Solar Perumahan Melaka (SolarMEL)**, **Green Mobility** dan penyediaan **Green City Action Plan**.

Inisiatif ketujuh: Pengurusan Banjir

88. Tatkala hujan berterusan... baik pemimpin mahupun rakyat pastinya gusar dan tidak senang duduk. Maka, Kerajaan Negeri Melaka terus mencari solusi mengurangkan risiko banjir termasuk pemberian infrastruktur pasca banjir demi kesejahteraan rakyat.
89. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah memberi kelulusan bagi pelaksanaan Projek **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** yang dijangka siap antara tahun 2025 hingga 2030 dengan kos **sekitar 1 bilion ringgit**. Projek-projek tersebut adalah:
 - **Enam projek** yang sedang dilaksanakan iaitu **RTB Alor Gajah Fasa 1, RTB Bandar Jasin, RTB Bandar Merlimau, RTB Sungai Duyong, RTB Sungai Putat dan RTB Krubong-Durian Tunggal**.
 - **Satu projek RTB dalam peringkat reka bentuk**, iaitu **RTB Sungai Melaka Fasa 1**, tertumpu di bahagian hulu Sungai Melaka berhampiran Kampung Pengkalan dan Kampung Gadek di Alor Gajah.

- 90.** **Kerajaan Persekutuan** juga telah meluluskan peruntukan bagi **Projek Naik Taraf Sistem Saliran untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di kawasan MBMB Fasa 2**, serta **Projek Pemuliharaan Muara-muara Sungai di negeri Melaka**, dengan kos keseluruhan **135.8 juta ringgit**.
- 91.** Saya juga telah menyuarakan isu berkaitan banjir di kawasan Masjid Tanah serta keperluan peruntukan untuk mengatasi isu ini kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah.
- 92.** Rentetan itu, **Kerajaan Persekutuan melalui PETRA** telah meluluskan peruntukan berjumlah **6 juta ringgit** untuk mengatasi **isu banjir di kawasan Parlimen Masjid Tanah**, dengan tumpuan di kawasan *hotspot* banjir termasuk di Taman Masjid Tanah Ria.
- 93.** Menjelang Januari 2025, antara projek yang menggunakan peruntukan tersebut adalah:
- **Kerja-kerja pemulihan sungai** serta lain-lain kerja yang berkaitan bagi mengurangkan risiko banjir di **Sungai Baru, Sungai Durian Daun dan Sungai Solok Duku**; dan.
 - **Kerja-kerja penyelenggaraan Kolam Takungan Banjir di Durian Daun dan Solok Duku**.
- 94.** Kerajaan Negeri turut merencana Pelan Mitigasi Banjir Jangka Pendek, di bawah peruntukan **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka**, iaitu:

Pertama: **Peruntukan Pembangunan** berjumlah **10.8 juta ringgit** untuk projek pengairan dan saliran seperti:

- **Kerja Baik Pulih Tebing Saliran di Bachang;**
- **Kerja Penyelenggaraan Saliran Sungai Taboh Naning;**

- Naik Taraf Sistem Saliran di Kawasan Semujuk dan Lanchang; dan
- Kerja-kerja Pembersihan dan Pemuliharaan Kolam Takungan Banjir di Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin.

Kedua: Peruntukan Mengurus berjumlah 1.7 juta ringgit bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan Saliran dan Tebing Sungai. Sehingga kini, **lebih 100 kerja pembaikan** telah dilaksanakan.

- 95.** Bagi menoktahkan isu ini... Kerajaan Negeri telah membentuk **Jawatankuasa Pengurusan Banjir Negeri Melaka** melibatkan Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kerja Raya, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta Badan Kawal Selia Air.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 3: PELANCONGAN, WARISAN, SENI DAN BUDAYA

Inisiatif pertama: Pelanjutan Kempen Tahun Melawat Melaka

- 96.** Kerajaan Negeri Melaka telah memutuskan untuk melanjutkan **Tahun Melawat Melaka sehingga tahun 2026**, selaras dengan pemilihan negeri Melaka sebagai tuan rumah Hari Pelancongan Sedunia dan Persidangan Pelancongan Sedunia Tahun 2025 disusuli Tahun Melawat Malaysia 2026.
- 97.** Bagi mengekalkan momentum semangat Tahun Melawat Melaka... dengan ini.... SLOGAN KERAMAT YANG ACAPKALI MENITI DI BIBIR KITA SEMUA AKAN DITERUSKAN! “MAAAAANA LAGI?... MELAKA LER!”

Terbang rendah si rama-rama,
Sayapnya cantik aneka rona;
Kota bersejarah diberi nama,
Walau purba tetap terpesona.

- 98.** Melaka terus mendunia dengan menganjurkan pelbagai aktiviti melalui **14 subsektor pelancongan** dengan **64 acara** sepanjang tahun 2025, antaranya:
- **Pengisahan Detik Kemerdekaan Bersama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj;**
 - **Teater Kegemilangan Melaka;**
 - **Melaka International Mountain Bike Jamboree;**
 - **Pesta Pantai Melaka dan.**
 - **Melaka International Travel Mart.**
- 99.** Sempena kehadiran ‘dunia’ ke Melaka, Kerajaan Negeri dengan sukacitanya menawarkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk melancarkan Tahun Melawat Malaysia 2026 semasa Majlis Perasmian Hari Pelancongan Sedunia dan Persidangan Pelancongan Sedunia pada September 2025.
- 100.** Pendekatan ini dijangka dapat menjimatkan kos dengan menggabungkan dua acara besar secara serentak yang disertai oleh wakil-wakil dunia.
- 101.** Kerajaan Negeri terus memperkasa perkhidmatan pelancongan dengan mewartakan Undang-Undang Kecil (UUK) kepada Pengayuh Beca melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Undang-undang ini bertujuan menyelaras kawalan dan penyeliaan perkhidmatan pelancongan yang lebih berkesan.
- 102.** Dengan ini... Kerajaan Negeri akan menambah baik perkhidmatan beca dengan MENDIGITALKAN BECA. Selepas ini, beca-beca yang berdaftar ini

akan dinomborkan bagi menjamin keselamatan penumpang dan pengayuh beca.

- 103.** Apapun, Kerajaan Negeri tidak lupa kebajikan pengayuh beca yang merupakan duta pelancongan negeri ini. Sebagai penghargaan.. **Program MESRA Pengayuh Beca** yang akan memberi manfaat kepada **260 pengayuh beca berdaftar** akan diteruskan.

Inisiatif kedua: Pembangunan Produk Pelancongan Baharu

- 104.** Kerajaan Negeri Melaka akan terus membangunkan produk pelancongan baharu termasuk sektor pelancongan di luar bandar bagi menggantit lebih ramai pelancong.
- 105.** Misalnya, *Eco Cruise* Sungai Linggi yang digelar *Amazon Melaka* oleh pengunjung turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan bukan sahaja oleh pelancong domestik, malah pelancong antarabangsa.
- 106.** Berkait itu, sebuah jeti baharu akan dibina di luar Sungai Linggi yang tidak terjejas oleh pasang surut air untuk melancarkan pengoperasian cruise di Sungai Linggi.
- 107.** **Produk pelancongan baharu** lain yang akan dibangunkan adalah:

Pertama: **Rumah Warisan Jawa** di Kampung Paya Dalam, DUN Ayer Molek. Kerajaan Negeri merancang untuk memohon peruntukan bagi pembangunan Kompleks Warisan Jawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) selari dengan tujuan mengetengahkan warisan hampir 10,000 masyarakat Jawa.

Kedua: Kerajaan Negeri Melaka sedang berusaha untuk diiktiraf sebagai **Aspiring Melaka Geopark** di bawah Pelan

Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 melibatkan 29 geosite berpotensi, termasuk Tanjung Tuan, *Aplite* Pulau Besar dan *Laterite* Pulau Upah.

Ketiga: ***Glamping and Caravan Park akan diperluaskan*** di lokasi-lokasi terpilih di setiap daerah seperti Taman Ekstrem Tasik Chin chin yang berpotensi dibangunkan sebagai lokasi bertaraf dunia.

108. Bagi memperkasa sektor pelancongan di bawah Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai, produk pelancongan baharu akan diperkenalkan. Antaranya,

- **Perkhidmatan *cruise* di Sungai Rambai, Jasin;**
- **Restoran Terapung Mendam Berahi di Pengkalan Rama menampilkan konsep klasik moden; dan**
- **Pakej Melaka Sea Cruise** yang menawarkan *island hopping* di Taman Laut Melaka, *sunset cruise*, *snorkeling* dan perkhidmatan bot ke Pulau Besar.

109. Kami di Melaka merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Ekonomi dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) atas kelulusan tiga projek pembangunan pelancongan untuk tahun 2025, iaitu:

Pertama: **Kerja menaik taraf kemudahan pelancongan di Sungai Punggor, Alai, Daerah Melaka Tengah dengan kos 2.4 juta ringgit.**

Kedua: **Pembangunan ekopelancongan di Persisiran Sungai Kesang, Sungai Rambai, Daerah Jasin, dengan kos 4 juta ringgit, dan**

Ketiga: Pembangunan Ecotourism Paya Lebar Fasa 2, Daerah Alor Gajah, dengan kos projek 7.9 juta ringgit.

Inisiatif ketiga: Kolaborasi Strategik Mempelbagaikan Aktiviti Pelancongan

- 110.** Mulut menyebut, hati mengenang... Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak, termasuk agensi Kerajaan Persekutuan, sektor swasta dan pemain industri, yang telah bekerjasama menyokong pelbagai aktiviti pelancongan sepanjang kempen Tahun Melawat Melaka 2024.
- 111.** Kepada *Tourism Volunteer* atau Sukarelawan Pelancongan Tahun Melawat Melaka 2024 serta pihak-pihak penaja hadiah cabutan bertuah, andalah nadi penggerak pelancongan Melaka. TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN!
- 112.** Laginya, Kerajaan Negeri akan meneruskan kerjasama strategik **Kumpulan Media Prima Berhad** bagi **mempromosi Melaka sebagai tuan rumah Hari Pelancongan Sedunia dan Persidangan Pelancongan Sedunia pada tahun 2025.**
- 113.** Saya mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk sahabat-sahabat saya di “SEBELAH SANA” untuk berkolaborasi menyokong aktiviti pelancongan pada tahun 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Inisiatif keempat: Pelurusan Sejarah Negeri dan Negara

Terbang ke barat si burung tukang,
Terbangnya laju menuju seberang;
Pahlawan hebat bukan sebarang,
Tuah dan Jebat namanya terbilang.

- 114.** Pada tahun 2024, pentadbiran saya telah berjaya mengangkat sejarah kegemilangan empayar Kesultanan Melayu Melaka dengan penemuan

manuskrip dan artifak dari pelbagai negara seperti Belanda, Britain, Jepun dan Kepulauan Bentan.

115. Semua bahan artifak telah dipamerkan dalam **Pameran Hang Tuah** di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) sehingga berjaya menarik lebih 28 ribu pengunjung dan lebih 500 ribu *audiens* secara atas talian.
116. Tidak berakhir di situ, orang awam boleh melihat bahan-bahan pameran tersebut di **Perkampungan Hang Tuah, Duyong** yang turut dilengkapi dengan teknologi AI.
117. Selain mengisahkan kebijaksanaan Hang Tuah, Melaka juga dikenali dengan kisah kehebatan Panglima Awang, atau *Henry The Black*, pelayar bangsa Melayu pertama yang mengelilingi dunia.
118. Selain itu, terdapat bukti penting dalam *Ming Shi Lu* mengenai penganugerahan Tugu Bukit Pelindung Negara oleh *Maharaja Yongle* kepada Parameswara pada tahun 1405, serta catatan mengenai kehadiran Laksamana Cheng Ho ke Melaka.
119. Tahun hadapan, peristiwa kedatangan Cheng Ho telah melakarkan sejarah 620 tahun hubungan diplomatik antara Kerajaan China dan Kerajaan Negeri Melaka.
120. Menjadi hasrat saya, agar nama Laksamana Cheng Ho dapat diabadikan di salah sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Melaka.
121. Mendokong hasrat ini, **Institut Tun Perak (ITP)** serta **Institut Kajian Tuah (IKAT)** dipertanggungjawabkan melaksana kajian secara empirikal berkaitan **Laksamana Cheng Ho, Tugu Pelindung Negara dan Panglima Awang**.

Inisiatif kelima: Pengekalan Warisan, Seni dan Budaya

Pandan wangi di atas dulang,
Sirih dan pinang jadi hidangan;
Pantun warisan jangan dibuang,
Asal pusaka teguh pegangan.

- 122.** Negeri Melaka kaya dengan kepelbagaian warisan, seni dan budaya yang dimiliki oleh pelbagai kaum seperti Melayu, India, Cina, Baba dan Nyonya, Chetty, Serani dan Jawa yang perlu diketengahkan untuk menarik pelancong ke negeri ini.
- 123.** Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **Insentif Warisan Tak Ketara** sebanyak **300 ribu ringgit** untuk membolehkan **Institut Warisan Melaka (INSWA)** bagi memperkenalkan adat budaya masing-masing sebagai rujukan untuk generasi akan datang.
- 124.** Aktiviti seni dan budaya di negeri Melaka kini dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti Briged Seni Jabatan Ketua Menteri Melaka, INSWA, JKKN dan MBMB.
- 125.** Lalu, **pemusatan Seni Budaya Melaka** akan dilaksanakan bagi menyelaras semua pihak sama-sama terlibat dalam memelihara dan menghidupkan seni budaya.
- 126.** Negeri Melaka amat unik kerana terdapat dua adat yang diamalkan oleh masyarakatnya. Kerajaan Negeri akan terus memperkasa Institusi Adat Perpatih dan Adat Temenggung dengan mewujudkan **Rumah Adat Pepatih Naning** agar adat-adat ini terus terpelihara.

Tegak rumah kerana sendinya,
Runtuh sendi rumah binasa;
Hidup bangsa kerana adatnya,
Adat hilang terhakislah bangsa.

127. Bagi memartabat warisan, seni dan budaya, Kerajaan Negeri berhasrat menghidupkan semula **sukan rakyat** yang telah lama menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat Melaka, antaranya **Dam Aji** dan **Konda Kondi**.
128. Permainan Dam Aji telah pun berjaya menggamit perhatian rakyat bukan sahaja di Melaka namun seluruh Malaysia dengan penyertaan seramai lebih 1,500 peserta dan akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun hadapan.
129. Pada tahun hadapan, permainan tradisional Konda Kondi akan diangkat sebagai acara baharu dan dipertandingkan di peringkat DUN, parlimen dan peringkat negeri.
130. Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk menjadikan **set Konda Kondi** sebagai **cenderahati rasmi kepada delegasi Hari Pelancongan Sedunia dan Persidangan Pelancongan Sedunia**.
131. SELAYAKNYA, TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA YB DATUK ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN, EXCO PELANCONGAN, WARISAN, SENI DAN KEBUDAYAAN.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 4: KEMAJUAN DESA, PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

132. SETINGGI TERIMA KASIH YB DATUK DR. AKMAL, EXCO KEMAJUAN DESA, PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN MELALUI;

Inisiatif pertama: Kepimpinan Akar Umbi

- 133.** Demi menjamin perkhidmatan berkualiti kepada semua kelompok rakyat hingga ke akar umbi, Kerajaan Negeri memutuskan **elaun tambahan tahunan sebanyak 3 juta ringgit kepada 5,665 ahli JPKK, JPKKB dan Sidang**, di samping elaun 4.3 juta ringgit oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
- 134.** Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **3.2 juta ringgit** untuk pembiayaan **insurans dan khairat kematian** bagi menjaga kebajikan golongan ini.
- 135.** Begitu juga, sejumlah **100 ribu ringgit diperuntukkan** di bawah pembiayaan **Skim Perlindungan Insurans Kesihatan kepada kakitangan JAPERUN** sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan dalam memastikan pembangunan kesejahteraan masyarakat.
- 136.** Di sisi lain, Kerajaan Negeri akan menambah baik program **Paramedik Komuniti (PARAKOM)** dengan penglibatan anggota kesihatan di bawah **Program Care Close To You (CC2U)**.
- 137.** Sehingga November 2024, seramai 470 ahli PARAKOM telah menghadiri kursus bersama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Persatuan St. John Ambulance bagi melengkapkan ahli PARAKOM dengan kemahiran rawatan asas.
- 138.** Paling utama, saya mengumumkan... Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menyediakan perkhidmatan **1 PBT 1 Ambulans** bagi memperkasa perkhidmatan PARAKOM.

Inisiatif kedua: Kebajikan Orang Asli

139. Semestinya, tidak dilupakan kebajikan komuniti Orang Asli. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah 110 ribu ringgit bagi melaksanakan DUA inisiatif:

Pertama: Skim Perlindungan Insurans Kesihatan kepada 60 Tok Batin Negeri Melaka. Dan;

Kedua: **Bantuan MESRA Anak Orang Asli** untuk perbelanjaan sekolah kepada 700 anak Orang Asli. Ini adalah komitmen Kerajaan Negeri tidak meminggirkan anak-anak Orang Asli dalam sektor pendidikan.

Inisiatif ketiga: Pembangunan Daerah

140. **Kerajaan Negeri** memperuntukkan sebanyak **88 juta ringgit** untuk tahun 2025. Agihan peruntukan mengikut daerah adalah seperti:

- Daerah Melaka Tengah berjumlah 38.4 juta ringgit.
- Daerah Alor Gajah berjumlah 15.1 juta ringgit.
- Daerah Jasin berjumlah 16.7 juta ringgit.
- Peruntukan untuk projek yang melibatkan lebih dari satu daerah berjumlah 17.8 juta ringgit.

141. Sebanyak **22.6 juta ringgit** disediakan untuk pelbagai **penyelenggaraan infrastruktur di setiap daerah**. Ini termasuklah kerja-kerja pembinaan parit, longkang, jalan dan dewan yang diuruskan oleh Pegawai Daerah.

142. **10.3 juta ringgit** disediakan khusus untuk peruntukan **khidmat masyarakat ADUN**, bagi melaksanakan projek kecil serta memberikan sumbangan kepada komuniti.

- 143.** Selain itu, sebanyak 65.4 juta ringgit diperuntukkan untuk pelbagai projek fizikal dan bukan fizikal demi manfaat rakyat negeri Melaka melalui jabatan-jabatan peringkat negeri.
- 144.** Kerajaan Negeri menghargai keprihatinan **Kerajaan Persekutuan** atas kelulusan sebanyak 263 jenis projek dengan peruntukan **999.6 juta ringgit** untuk tahun 2025 melalui pelbagai Kementerian dan Agensi Persekutuan, dengan agihan seperti:
- **Daerah Melaka Tengah** berjumlah **307.3 juta ringgit**.
 - **Daerah Alor Gajah** berjumlah **275.9 juta ringgit**.
 - **Daerah Jasin** berjumlah **246.4 juta ringgit**.
 - Peruntukan untuk projek yang melibatkan **lebih dari satu daerah** berjumlah **170 juta ringgit**.

Inisiatif keempat: Keterjaminan Bekalan Makanan

- 145.** **Program Jualan FAMA** akan terus diperhebat dengan peruntukan **5 ribu ringgit setiap DUN** bagi menampung subsidi penjualan barang.
- 146.** Kerajaan Negeri komited memperkuuh keterjaminan bekalan makanan dengan memastikan bekalan utama seperti beras, ikan dan daging sentiasa mencukupi, sebagai langkah persediaan menghadapi situasi tidak dijangka akibat perubahan iklim atau ketidaktentuan geopolitik global.

Terbang rendah si burung kedidi,
Anak tupai atas angsan;
Kepada tanah kita berbudi,
Hasil dituai ekonomi terjana.

- 147.** Memandangkan pada tahun 2024, Melaka telah menghasilkan benih padi sah di Kampung Tengah Padang Merlimau. Ladang benih padi varieti MR297 ini dijangka mengeluarkan hasil pada Januari 2025.

- 148.** Rentetan itu, pada 5 November lalu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan **benih padi varieti MR326** yang dinamakan **Kesidang** bagi meningkatkan pengeluaran padi di kawasan luar jelapang yang turut dihadiri dan disokong sama oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Bekalan Makanan.
- 149.** Sebagai lanjutan program pembangunan padi ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan **Program Pembangunan Tanah-tanah Sawah Terbiar Melalui Konsortium** dengan peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit**.
- 150.** Ekoran aduan yang sering kali kita terima mengenai haiwan ternakan yang berkeliaran khususnya di kawasan kampung, maka... Kerajaan Negeri juga akan **MENDIGITALKAN HAIWAN TERNAKAN** melalui **Kod QR**.
- 151.** Pendekatan ini bertujuan mengelakkan kemalangan yang tidak diingini sekali gus menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat.
- 152.** Dengan cara ini, kita dapat kenal pasti pemilik-pemilik haiwan ternakan yang sepatutnya bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya.
- 153.** **Kerajaan Negeri** juga menyediakan peruntukan sebanyak **3.9 juta ringgit** untuk melaksanakan program dan projek di bawah **Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan Jabatan Perikanan**, antaranya:
- Pertama:** **Pembangunan industri lebah madu/kelulut, tanaman buah-buahan dan tanaman fertigasi** memberi manfaat kepada **369 petani**.
- Kedua:** **Program pelepasan benih ikan dan udang** melebihi **432 ribu ekor** kepada **112 nelayan sungai**.

Ketiga: **Program Bantuan Baka Ternakan, Projek Penyelenggaraan Rezab Padang Ragut dan Pembelian Makanan Ternakan di Sungai Rambai Agrotourism Park** yang memberi manfaat kepada **50 penternak**. Dan;

Keempat: **Pembinaan baharu Balai Nelayan di Sempang, Jasin dan Bangsal Pukat di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah**, kepada **115 nelayan**.

- 154.** Seterusnya, **Kerajaan Persekutuan** meluluskan peruntukan sebanyak **20.9 juta ringgit** untuk manfaat para **petani, penternak, pesawah dan nelayan**, melibatkan pelaksanaan:

- **Projek Pemodenan Sistem Pengairan Padi di Skim Pengairan Bukit Rambai; dan**
- **Program Peningkatan Produktiviti Nelayan B40.**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 5: SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN KOMUNIKASI DIGITAL

- 155.** SEKALUNG PENGHARGAAN DIUCAPKAN KEPADA YB DATUK FAIRUL NIZAM, EXCO SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI DAN KOMINIKASI DIGITAL YANG MENGERAKKAN INISIATIF DIGITAL.

Inisiatif pertama: Digitalisasi Sistem Penyampaian Kerajaan

- 156.** Kerajaan Negeri Melaka komited untuk mengecilkan jurang digital antara bandar dan desa, khususnya dalam aspek ketersambungan seperti *TikTok, Facebook, WhatsApp, Instagram* dan *Telegram*.
- 157.** Sebanyak **3.1 juta ringgit** diperuntukan untuk merealisasikan Pelan *Smart City*, terutamanya dalam **pendigitalan sistem penyampaian kerajaan**,

termasuk pembangunan **Sistem e-Dewan** dan **Sistem Pengkalan Data Berpusat Badan Kawal Selia Air (BKSA)**.

- 158.** Seiring dengan kemajuan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), Kerajaan Negeri memperuntukkan **500 ribu ringgit** untuk **menaik taraf Portal Rasmi Kerajaan Negeri dan Portal Tourism Melaka dengan kemudahan chatbot AI**.

Inisiatif kedua: Perluasan Infrastruktur Digital

- 159.** Infrastruktur digital dan liputan jalur lebar terus diperluas sehingga di ceruk kampung dan desa. Untuk itu, sebanyak **1.4 juta ringgit diperuntukkan** termasuk **perluasan Wi-Fi Percuma Negeri Melaka serta menaik taraf perkakasan di Pusat Data Negeri Melaka**.
- 160.** Kerajaan Negeri melalui anak syarikat **Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH)** akan terus berkolaborasi dengan pelbagai pihak untuk mempertingkatkan capaian digital di negeri Melaka.
- 161.** Kerajaan Negeri juga telah bersetuju menuju menubuhkan **Koridor Utiliti Melaka (KUM)** untuk menyelaras pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan Rangkaian Fiber Optik Akses Terbuka, Tiang Gentian Optik Bersepadu dan Terowong Utiliti Bersepadu atau *Dedicated Utilities Road Crossing (DURC)*.

Inisiatif ketiga: Pembudayaan Digitalisasi

- 162.** **Program Rakyat Digital Melaka** yang telah diperkenalkan sejak tahun lalu telah memberi manfaat kepada **9,966 rakyat**.
- 163.** Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan **300 ribu ringgit** yang diyakini dapat memberi manfaat peningkatan pengetahuan dan kemahiran digital.

Inisiatif keempat: Kolaborasi Galakan Cashless Society

- 164.** Inisiatif Tanpa Tunai akan terus diperkasa dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**MCMC**) serta Payments Network Sdn. Bhd. (**PayNet**) mulai Oktober 2024 hingga Mei 2025.
- 165.** Inisiatif ini juga akan diperluaskan di sektor kerajaan, termasuk kutipan hasil negeri serta memperkasakan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui platform pembayaran digital membabitkan peruntukan **500 ribu ringgit**.
- 166.** Manakala, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui **RICE@UTeM dilantik** untuk merangka **Pelan Hala Tuju Tanpa Tunai Negeri Melaka**, yang dijangka siap pada suku kedua 2025 sebagai rujukan utama dalam perancangan pembangunan sistem *cashless* di Melaka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 6: KERJA RAYA, INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM DAN PENGANGKUTAN

- 167.** Kita berazam menyediakan infrastruktur yang terancang dan terbaik buat rakyat Melaka. Ini termasuk menaik taraf infrastruktur, membaik pulih kemudahan awam dan penyediaan pusat komuniti di kawasan bandar dan luar bandar.

Inisiatif pertama: Jaringan Jalan Raya

- 168.** Bagi mengatasi kesesakan jalan raya, **Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek pembinaan Pusingan U Bertingkat dan Direct U-Turn dari Persimpangan Pulau Gadong hingga Persimpangan Taman Cheng Perdana, Melaka Tengah** dengan kos **50 juta ringgit** bagi tahun 2025.

169. Selain itu, terdapat peruntukan untuk **projek jalan baharu dan menaik taraf jalan** berjumlah **51.6 juta ringgit** yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak **732.4 juta ringgit**, antaranya:
- **Menaik Taraf Jalan Tun Hamzah di Daerah Melaka Tengah;**
 - **Membina Jalan Baharu dari Kampung Paya Lebar ke Kampung Lubok Redan dan Kampung Pulau Masjid Tanah di Alor Gajah;**
 - **Pembinaan Jalan Baharu dari Persimpangan Rim ke Persimpangan Kampung Ulu Jasin, Daerah Jasin; dan**
 - **Membina Jalan dari Kuala Linggi ke Ayer Molek, Masjid Tanah, Alor Gajah, Melaka.**
170. **Projek Jalan Raya dan Jambatan pula diperuntukkan** sebanyak **7.9 juta ringgit**, antaranya:
- **Menaik Taraf Bulatan Malim (Fasa 1) Daerah Melaka Tengah;**
 - **Menaik Taraf Persimpangan Tiga dari Jalan Alor Gajah Lama ke Pantai Belimbing, Daerah Alor Gajah; dan**
 - **Menaik Taraf jalan di Jalan Kuala Sungga – Batang Melaka berdekatan Kampung On Lok, Daerah Jasin.**
171. Pembangunan projek jalan tersebut tidak termasuk dengan penyelenggaraan jalan negeri, jalan kampung, jalan perbandaran dan jalan ladang yang menggunakan peruntukan di bawah **Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri atau MARRIS** pada tahun 2025.

Inisiatif kedua: Infrastruktur dan Kemudahan Awam

172. Bagi menjamin **bekalan air**, beberapa projek telah diluluskan, antaranya:
- Pertama: Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS)** iaitu **TAPS Melaka** dengan kos **525 juta ringgit**, dan **TAPS Jernih** berjumlah **234.7 juta ringgit**.

Kedua: **Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus** dengan kos **150 juta ringgit**. Dan;

Ketiga: **Kajian Menyeluruh Sumber Bekalan Air Mentah di negeri Melaka** dan **Kajian Kemungkinan Terperinci dan Reka Bentuk Kerja-kerja Menaik Taraf Empangan Durian Tunggal** membabitkan **7 juta ringgit**.

- 173.** Ekoran projek TAPS Jernih yang telah lewat daripada jadual pelaksanaan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) supaya dapat mempercepatkan projek ini bagi mengelakkan gangguan bekalan air negeri pada masa akan datang.

Inisiatif ketiga: Pengangkutan Awam

- 174.** Negeri Melaka menjadi antara yang terawal menyediakan bas baharu demi keselesaan rakyat di mana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Malaysia telah melancarkan **51 buah bas henti-henti** dikenali **BAS.MY Melaka**.
- 175.** Perkhidmatan ini membabitkan **18 laluan** dengan peruntukan **83 juta ringgit** yang memberi manfaat kepada lebih **100 ribu rakyat dan pelancong**.
- 176.** **PAS KONSESI PERCUMA** turut diperkenalkan untuk golongan **warga emas, OKU dan pelajar sekolah**, dan akan diperluaskan kepada **mahirasiswa mulai 1 Januari 2025**.
- 177.** Selain itu, **sistem Open Payment** diperkenalkan bagi memudahkan pembayaran, termasuk pelancong.

- 178.** Pada sudut lain, **Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM)** telah mendapat nafas baharu dengan kehadiran **Scoot Airlines** yang telah memulakan penerbangan sulung pada 23 Oktober 2024.
- 179.** **Laluan Melaka-Singapura** berpotensi besar sebagai pintu masuk global, dengan **8,367 penumpang** dicatatkan antara **Oktober hingga 23 Disember 2024**.
- 180.** Kerajaan Negeri juga mencatatkan kemajuan dalam pengangkutan air dengan **pengoperasian dua laluan feri Melaka-Dumai** dan **Melaka-Bengkalis** dengan merekodkan hampir **102 ribu penumpang**.
- 181.** **Kajian Impak Pelaksanaan Jambatan Melaka-Dumai** akan dilaksanakan dengan peruntukan **500 ribu ringgit**. Projek jambatan moden merentasi Selat Melaka dari Telok Gong, Melaka ke Dumai, Sumatera dijangka memberi impak besar kepada pembangunan ekonomi kedua-dua wilayah.

Inisiatif keempat: Pembangunan Pelabuhan

- 182.** Perancangan pembangunan pelabuhan di kawasan SM-WEZ sedang giat dijalankan, dengan Pelabuhan Tanjung Bruas sebagai satu-satunya yang beroperasi setakat ini.
- 183.** Secara purata, 10 buah kapal berlabuh setiap bulan di kawasan **Ship-to-Ship Transfer (STS)**. Aktiviti ini menyumbang secara langsung kepada ekonomi melalui pelbagai perkhidmatan seperti *tugboat*, pembaikan kapal, permohonan lesen serta pembekalan air dan makanan kepada anak kapal.
- 184.** Projek Pembangunan **Melaka Straits International Port (MSIP)** seluas **735 ekar** di **Tanjung Bruas** akan menjadi pemangkin utama di bahagian utara perairan negeri Melaka.

- 185.** Projek MSIP ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia dan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar pada November 2024.
- 186.** Di perairan selatan negeri Melaka, pembangunan ***Multipurpose Deep Seaport*** seluas **1,100 ekar** akan merancakkan ekonomi kawasan tersebut dengan melibatkan pengoperasian *Bulk Plan*, *Tank Farm*, *Container Terminal* serta pembangunan *Hydrogen Farm*.
- 187.** Cadangan pembangunan ***Kuala Linggi International Port (KLIP)*** seluas **620 ekar** di **Muara Sungai Linggi, Alor Gajah** juga akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi, perdagangan dan inovasi teknologi di rantau ini.
- 188.** KLIP direka untuk menampung simpanan tangki bagi mengendalikan pukal cecair kargo, Gas Petroleum Cecair (LPG) dan Gas Asli Cecair (LNG), serta menyediakan kawasan khusus untuk Pembaikan dan Penyelenggaraan Kapal (MRO).
- 189.** Pembangunan ***Melaka International Cruise Terminal (MICT)*** akan membina Jeti Terminal L-Shape bermula Mei 2024 dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2025 dan beroperasi pada suku ketiga 2026.
- 190.** Pembinaan terminal kapal pesiar telah mendapat sokongan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia sejajar dengan dasar Kerajaan Persekutuan yang memberi tumpuan kepada ekonomi maritime.
- 191.** Melalui MICT, negeri Melaka mampu menyambut ketibaan sehingga 4 kapal persiaran mewah dalam satu masa dan ini akan menggalakkan kehadiran kapal mewah dari seluruh dunia.
- 192.** TERIMA KASIH YB DATUK HAMEED, EXCO KERJA RAYA, INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM DAN PENGANGKUTAN.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

**AGENDA 2: KEPEDULIAN MASYARAKAT DAN TRANSFORMASI MODAL
INSAN BERKUALITI**

- 193.** *Sabda Rasulullah SAW; Barangsiapa yang membantu seseorang dalam kesusahan di dunia maka Allah akan membantunya dalam kesusahan pada hari kiamat, dan barangsiapa yang meringankan beban seseorang yang sedang kesulitan maka Allah akan meringankan bebannya di dunia dan akhirat.” (HR Muslim)*
- 194.** Kerajaan Negeri sentiasa mendengar keluhan rakyat...kita akan terus menyantuni denyut nadi rakyat sehingga ke akar umbi... Lalu, perencanaan Bajet 2025 ini mengambil kira keperluan rakyat dari kelahiran hingga penjagaan warga emas serta pengurusan kematian.

Rendang berlada sayur maman,
Gulai ikan menambah selera;
Inisiatif berganda meringan beban,
Bantuan kebaikan rakyat sejahtera.

- 195.** Kerajaan juga bertanggungjawab merancang pelbagai insentif dan inisiatif bagi mentransformasikan masyarakat untuk melahirkan modal insan berkualiti yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri.
- 196.** Sebab itu, kita telah membuka ruang kepada rakyat untuk mengemukakan cadangan Inisiatif Bajet 2025 bagi merancang program mahupun inisiatif yang bersesuaian dengan keperluan rakyat.
- 197.** Sebanyak 480 cadangan telah diterima daripada seramai 442 responden dengan mencatatkan cadangan tertinggi iaitu berkaitan infrastruktur sebanyak 145 cadangan, diikuti dengan kebaikan sebanyak 106 cadangan

dan pendidikan sebanyak 82 cadangan yang diperoleh daripada tinjauan bajet negeri. Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang telah turut serta dalam perancangan Bajet 2025 ini.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 198. TERIMA KASIH YB DATUK HAJAH KALSOM, EXCO PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI.**

TUMPUAN 7: PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI

Inisiatif pertama: Pengupayaan Golongan Rentan

- 199. Kebajikan golongan rentan terus menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dalam memastikan kelangsungan hidup mereka. Pelbagai bantuan disalurkan melalui inisiatif **Melaka Sara Rakyat (MESRA)**, antaranya:**

Pertama: **Bantuan MESRA Am** sebanyak **16 juta ringgit** kepada **5,350 penerima** bantuan golongan miskin.

Kedua: **Bantuan MESRA KETUA ISI RUMAH (KIR) Miskin** sebanyak **5 juta ringgit** untuk **1,120 Ketua Isi Rumah** miskin yang terlibat dalam kerja pembersihan surau, masjid dan tanah perkuburan.

Ketiga: **Bantuan MESRA Lampin Pakai Buang Dewasa** dengan peruntukan **1.9 juta ringgit** kepada **2,902 penerima**.

Keempat: **Bantuan MESRA Susu Orang Terlantar** berjumlah **1.5 juta ringgit** kepada **347 penerima**. Dan;

Kelima: **Bantuan MESRA Pengurusan Jenazah B40** berjumlah **200 ribu ringgit**.

Inisiatif kedua: Pemerkasaan Golongan Tumpuan

200. Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan dengan peruntukan **600 ribu ringgit** untuk memperkasakan golongan tumpuan, antaranya:

Pertama: **Program Pembangunan Anak Autisme** dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) untuk **438 orang anak autisme**.

Kedua: **Program Perhebat OKU** untuk **78 atlet para SUKMA**; dan

Ketiga: **Caruman PERKESO** untuk **521 pemandu teksi dan kereta sewa berdaftar**.

Inisiatif ketiga: Pembangunan Keluarga Bahagia

201. Institusi keluarga merupakan tonggak kesejahteraan masyarakat. Kerajaan Persekutuan menyediakan pelbagai program, antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), Program i-Suri dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

202. Kerajaan Negeri pula memperuntukkan **400 ribu ringgit** untuk program-program seperti:

Pertama: Buat julung kalinya... kerajaan negeri berbesar hati menyediakan **Program Insentif Pra-Perkahwinan** kepada **2,500 peserta terawal** bagi mengikuti **kursus kahwin PERCUMA** kepada **2,500 peserta terawal**, di bawah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dan;

Kedua: Buat ibu-ibu yang menyambut kelahiran cahaya mata pada hari ini di Melaka sempena pembentangan bajet... sukatanya, sudilah para ibu menerima pemberian khas menerusi **Program**

MESRA Bayi dengan pemberian Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) bernilai **150 ringgit**.

Inisiatif keempat: Pemerkasaan Golongan Wanita

- 203.** Sejak tahun 2021, peruntukan untuk golongan wanita telah memberi manfaat kepada lebih **9,000 orang**, melibatkan peningkatan kemahiran dalam kepimpinan, perniagaan, dan sahsiah diri.
- 204.** Pada tahun 2025, Kerajaan Negeri memperuntukkan **500 ribu ringgit** untuk **Program Wanita Inspirasi Melaka** meliputi inisiatif meningkatkan pendapatan wanita, program kepimpinan, membanteras keganasan dan keterampilan diri.
- 205.** Saya percaya, program dan bantuan untuk wanita ini bakal memberi manfaat yang besar. Umpama kata pepatah:

"TANGAN YANG MENGHAYUN BUAIAN MAMPU MENGGONCANG DUNIA."

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 8: BELIA, SUKAN DAN NGO

- 206.** Golongan muda memainkan peranan penting dalam kepimpinan masa depan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka telah melaksanakan Kajian Aspirasi Anak Muda dari Mei hingga Oktober 2024, bersempena Sambutan Hari Sukan Negara.
- 207.** Sebanyak 665 cadangan inisiatif Bajet 2025, merangkumi 12 kategori, diterima daripada responden, dengan tiga cadangan utama iaitu sukan 34.3 peratus, kesihatan 13.7 peratus, dan pendidikan 12.5 peratus.

208. Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada anak-anak muda yang terlibat dalam kajian ini.

Inisiatif pertama: Pemerkasaan Belia

209. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **hampir 600 ribu ringgit** untuk **program pemerkasaan belia**, termasuk pendedahan dalam bidang politik dan kepimpinan.

210. Dengan menubuhkan **Dewan Undangan Negeri (DUN) Belia**, yang akan melibatkan 28 anak muda untuk membincangkan isu rakyat dan membangunkan negeri Melaka melalui program seperti **Townhall Anak Muda Melaka** dan **Program Belia Progresif**.

Inisiatif kedua: Pembangunan Kemudahan Sukan

211. Projek Persekutuan berjumlah **24.1 juta ringgit** telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2025, termasuklah:

- **Menaik Taraf Padang Bola Sepak kepada Padang Bola Sepak Sintetik di Kompleks Belia dan Sukan Melaka;**
- **Menaik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Ayer Keroh;**
- **Menaik Taraf Kompleks Sukan Komuniti Krubong;**
- **Menaik Taraf Padang Hoki di Bukit Serindit; dan**
- **Menaik Taraf Dewan Badminton Majlis Sukan Negeri.**

212. Selain itu, Kerajaan Negeri menyediakan **4 juta ringgit** untuk projek-projek:

- **Menaik Taraf Kemudahan Fasiliti Sukan;**
- **Projek Bina Baharu Lapang Sasar Memanah di Ayer Keroh;**
- **Menaik Taraf Gelanggang Lawn Bowls di Krubong; dan**
- **Pembaikan kemudahan sukan komuniti di setiap DUN.**

Inisiatif ketiga: Pembangunan Sukan

213. Mengambil kira cadangan utama dalam Kajian Aspirasi Anak Muda, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program sukan untuk melahirkan rakyat Melaka yang sihat serta berdaya saing dengan memperuntukkan **1.9 juta ringgit**, antaranya;

Pertama: Meneruskan **Sukan Melaka Piala YAB Ketua Menteri** yang berjaya menarik hampir 28 ribu peserta pada tahun 2023 dan 2024.

Kedua: **Sukan Warisan Tun Teja**, khusus untuk wanita. Dan;

Ketiga: **Sukan Penjawat Awam** dengan dua kategori iaitu:

- **Sukan Penjawat Awam** daripada pelbagai **Jabatan Negeri dan Persekutuan** yang akan diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri Melaka; serta
- **Kejohanan Sukan Beruniform** melibatkan **11 Pasukan Beruniform** antaranya **Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**, **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, **Jabatan Penjara** dan **Angkatan Pertahanan Awam (APM)**.

Keempat: **Sukan 2 Jiwa 1 Hati** melibatkan Angkatan Tentera Malaysia, ahli keluarga ATM dan masyarakat setempat di kawasan Sungai Udang dan Tanjung Bidara, dengan tambahan sumbangan sebanyak **50 ribu ringgit** dari **JAPERUN Tanjung Bidara**.

Inisiatif keempat: Kolaborasi Strategik Dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Swasta

- 214.** Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak **2 juta ringgit** kepada **Majlis Sukan Negeri (MSN)** untuk melaksanakan **Program Pembangunan Sukan** khususnya **persediaan untuk SUKMA**.
- 215.** SEMUA INI DIGERAKKAN OLEH YB DATUK SHANMUGAM, EXCO PEMBANGUNAN BELIA, SUKAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO). TERIMA KASIH!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 9: KESIHATAN, SUMBER MANUSIA DAN PERPADUAN

- 216.** SEKALUNG PENGHARGAAN YB DATUK NGWE HEE SEM, EXCO KESIHATAN, SUMBER MANUSIA DAN PERPADUAN SEBAGAI PENCETUS PEMERKASAAN INISIATIF KESIHATAN, SUMBER MANUSIA DAN PERPADUAN.

Inisiatif pertama: Pembangunan Infrastruktur Kesihatan

- 217.** Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan projek kesihatan pada tahun 2025 berjumlah **28.6 juta ringgit**, antaranya:
- **Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Melaka;**
 - **Pembinaan Blok Tambahan Klinik Kesihatan Peringgit;**
 - **Naik Taraf Dewan Bedah Kedua Hospital Alor Gajah;**
 - **Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Baharu Sungai Rambai; dan**
 - **Pembaikan, Naik Taraf dan Penyelenggaraan Kuarters Hospital di negeri Melaka.**

- 218.** Kita berbangga kerana Institut Jantung Negara (IJN) telah memilih Putra Specialist Hospital sebagai Pusat Penyediaan Perkhidmatan Kardiologi dan Pembedahan Kardiotorasik di negeri Melaka dengan kerjasama IJN.
- 219.** Kerjasama ini dapat mengukuhkan lagi peranan Putra Specialist Hospital dan Institut Jantung Negara sebagai hospital rujukan utama khususnya kepada pesakit dari Wilayah Selatan Malaysia dan Kepulauan Riau, Indonesia.
- 220.** Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan **Projek PUTRA 2** yang bakal dibina di atas sebahagian tanah milik MCORP seluas **8 ekar** di dalam kawasan **Bukit Beruang**.
- 221.** Usaha sama ini tentunya menjadi penanda aras kepada Pelan Pembangunan Jangka Panjang Putra Specialist Hospital dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan secara tidak langsung meningkatkan penawaran perkhidmatan pelancongan kesihatan ke negeri Melaka.

Inisiatif kedua: Program Kesihatan Awam

Pucuk ubi ulam pegaga,
Dibawa bersama buah peria;
Kesihatan diri perlu dijaga,
Hidup bahagia penuh ceria

- 222.** Bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **3 juta ringgit** untuk pelbagai program kesihatan awam, termasuk:

Pertama: **Penambahan Saringan Kesihatan Jantung** dalam **Program MBIO Sihat**, di samping Saringan Dua Kanser untuk lelaki dan wanita;

Kedua: Meneruskan **Program MESRA Ambulans** untuk pesakit terlantar B40 bagi temujanji kemasukan wad dan temujanji menggunakan fasiliti kemudahan kesihatan kerajaan seperti Pusat Rehabilitasi PERKESO yang telah mendapatkan rujukan doktor di hospital kerajaan.

Ketiga: **Program Peluang Kedua: Back to Community** diselaraskan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK); dan

Keempat: **Program Jom Sihat** yang merangkumi intervensi bersama pelbagai agensi dan NGO Negeri Melaka.

223. Setelah memperhalusi keperluan menyantuni kesihatan golongan B40, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan peruntukan berjumlah **100 ribu ringgit** menerusi **Tabung Bantuan Dialisis Negeri Melaka** kepada **yang berkelayakan**.

Inisiatif ketiga: Program Perpaduan

Anak tani petik pulasan,
Bawa joran dapat haruan;
Jiwa berani penerus warisan,
Semarak watan tekad perpaduan.

224. Sebagai negeri yang kaya dengan kepelbagai kaum, semangat perpaduan menjadi teras keharmonian masyarakat Melaka. Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai program untuk memperkuuh perpaduan, antaranya:

Pertama: Penubuhan **Geng 04 atau 30**, terbuka kepada rakyat Melaka untuk mendaftar sebagai sukarelawan dan terlibat dalam aktiviti kesukarelawan seperti agihan bantuan bencana dan gotong-royong.

Sebagai penghargaan kepada mereka yang mendaftar sebagai sukarelawan akan dihadiahkan kemeja-T Eksklusif secara PERCUMA mulai tahun 2025 yang akan diselaraskan oleh setiap JAPERUN. Dan;

Kedua: **Program Komuniti Perpaduan Melaka** dengan peruntukan **300 ribu ringgit**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 10: PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI DAN HAL EHWAL AGAMA

Inisiatif pertama: Pembangunan Infrastruktur Pendidikan

- 225.** Francis Bacon seorang ahli falsafah Inggeris menyatakan bahawa “*Knowledge is power*” dan Nelson Mandela pada tahun 2003 dalam nada yang sama, berkata “*education is the most powerful weapon we can use to change the world*”.
- 226.** Ilmu merupakan satu instrumen ampuh dalam mencipta kemajuan, membantu membuat keputusan dan bertindak sebagai panduan untuk masa depan.

Terbang melayang si burung punai,
Hinggap sebentar di atas sarang;
Ilmu diberi budi disemai,
Terpuji pekerti insan terbilang.

- 227.** Saya menyokong pepatah ini kerana ilmu merupakan satu instrumen ampuh dalam mencipta kemajuan, membantu membuat keputusan dan bertindak sebagai panduan untuk masa depan.
- 228.** Kerajaan Negeri berbesar hati menerima peruntukan oleh **Kerajaan Persekutuan** sebanyak **382.7 juta ringgit** bagi tujuan pendidikan, antaranya:
- **Pembinaan Bangunan Baharu Sekolah Kebangsaan Klebang Besar;**
 - **Pembinaan Semula Bangunan Daif Sekolah Jenis Kebangsaan Cina On Lok, Jasin;** dan
 - **Perolehan Tanah bagi Pembinaan Kampus Baharu Politeknik Melaka.**

Inisiatif kedua: Program Pembangunan Pendidikan

- 229.** Pendidikan pemangkin kepada peradaban ilmu dan nilai sahsiah sesebuah bangsa. Kerajaan Melaka terus komited dalam memartabatkan kualiti pendidikan demi kemajuan anak-anak Melaka. Antaranya:

Pertama: **Bantuan Pelajar Sekolah Rendah, Biasiswa Melaka untuk Sekolah Menengah serta Dermasiswa untuk Pengajian Islam Dalam dan Luar Negara** melalui **Tabung Amanah Pendidikan Melaka (TAPEM).**

Inisiatif ini memperuntukan sebanyak **14.5 juta ringgit**, yang melibatkan agihan daripada Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) serta bayaran balik pinjaman pelajar-pelajar.

Kedua: **Program Tuisyen PERCUMA Pelajar SPM dan STPM** berjumlah **200 ribu ringgit.**

- Ketiga:** Inisiatif **Bijak SPM** untuk **program kecemerlangan calon SPM** dengan peruntukan **700 ribu ringgit**.
- Keempat:** Program **Bijak Ijazah**, insentif **1 ribu ringgit untuk anak Melaka yang memperoleh Ijazah Kelas Pertama di IPTA dalam negara** dengan peruntukan **200 ribu ringgit, dan;**
- Kelima:** program **Bijak Tahfiz** iaitu insentif **3 ribu ringgit** untuk setiap **sekolah tahfiz berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)**, dengan peruntukan **306 ribu ringgit**.

Inisiatif ketiga: Tawaran Diskaun Tunggakan Pinjaman TAPEM

- 230.** Sejak TAPEM ditubuhkan pada tahun 2000, seramai 15,977 anak watan Melaka telah menerima manfaat melalui pinjaman TAPEM dengan keseluruhan berjumlah 223 juta ringgit.
- 231.** Namun, di sebalik keprihatinan dan manfaat yang diterima, hanya 63 peratus yang membuat bayaran balik, manakala sebanyak 40.1 juta ringgit, melibatkan 5,381 peminjam mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tempoh 6 hingga 120 bulan.
- 232.** Sebagai kerajaan yang sentiasa cakna dengan pendidikan rakyat, Kerajaan Negeri menawarkan **diskaun** seperti berikut:

- Pertama:** **Diskaun 30 peratus** bagi peminjam yang membuat **penyelesaian penuh pinjaman bermula Januari sehingga April 2025**.
- Kedua:** **Diskaun 15 peratus** bagi peminjam yang membuat **bayaran minimum 50 peratus daripada baki pinjaman bermula Januari sehingga April 2025**. Dan,

Ketiga: Hadiah Cabutan Bertuah untuk bayaran balik yang konsisten sepanjang tahun 2025.

- 233.** Kepada para peminjam TAPEM yang masih ada tunggakan...

Pakai baju kancing butang,
Ambil seluar dalam almari;
Kalau terasa ada hutang,
Bayar sebelum keluar negeri.

- 234.** Mana-mana peminjam yang masih degil untuk membuat bayaran balik pinjaman akan dikenakan tindakan sekatan untuk ke luar negara.

Inisiatif keempat: Pembudayaan Masyarakat Berilmu dan Bermotivasi

- 235.** Pada tahun hadapan, **Anugerah Melaka Membaca** akan diperkenalkan dengan peruntukan **200 ribu ringgit** untuk menyemai budaya ilmu melalui pembacaan.
- 236.** Program ini terbuka kepada masyarakat pelbagai peringkat, termasuk penilaian penyediaan gedung ilmu di rumah, pejabat, sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi.
- 237.** Kerajaan Negeri juga bakal menganjurkan **Program Pembangunan Pemimpin Pelapis** dengan peruntukan **200 ribu ringgit** oleh **Institut Tun Perak**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Inisiatif kelima: Syiar Islam

- 238.** **Anggaran kutipan zakat tahun 2025** dijangka terus meningkat sebanyak 10 peratus bersamaan **174.4 juta ringgit** berbanding kutipan tahun 2024.

Berkait itu, bagi menyemarakkan Syiar Islam di negeri Melaka, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan seperti:

Pertama: **Agihan kepada 8 asnaf** yang berkelayakan akan dipertingkatkan melalui pelbagai program sedia ada.

Terdapat juga **skim bantuan baharu yang dicadangkan iaitu Bantuan Saraan Anak IPT kepada asnaf mualaf berjumlah 150 ringgit sebulan bagi tempoh 12 bulan.**

Kedua: Inisiatif **galakan potongan kutipan zakat** kepada semua penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Ketiga: Sebanyak **85.3 juta ringgit** untuk **perbelanjaan pengurusan dan pembangunan untuk Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)**. Peruntukan ini adalah yang **TERBESAR** diterima oleh Jabatan di bawah pentadbiran negeri Melaka.

Antaranya perbelanjaan emolumen penjawat awam serta guru-guru KAFA dan tadika JAIM, pengurusan pensijilan halal, pembelajaran pelajar, perbelanjaan pembangunan sekolah, masjid dan surau.

Antara projek dilaksanakan seperti Membina Masjid Baharu Bukit Tembakau, Naik Taraf Masjid Al-Jawaher Pangkalan Balak, Tanjung Bidara, Membina Sekolah Rendah Agama Tanjung Kling serta pelbagai penyelenggaraan masjid dan surau.

Keempat: Mulai tahun ini, Kerajaan Negeri telah membuat pelarasan ke atas elauan **guru-guru KAFA dan tadika JAIM**.

Pada tahun 2025 pula, Kerajaan Negeri berbesar hati memberi **kemudahan cuti bersalin** kepada **guru wanita** yang berkaitan dengan syarat-syarat yang akan diperhalusi oleh JAIM.

Kelima: Bukan itu sahaja, bagi membantu ibu bapa dan penjaga, Kerajaan Negeri bersetuju membiayai sebahagian **yuran pendaftaran** di tadika JAIM melalui **Insentif Pelajar Tadika JAIM** sebanyak **100 ringgit setiap pelajar** yang akan memberi manfaat kepada **3,600 pelajar** membabitkan implikasi kewangan berjumlah **360 ribu ringgit**.

- 239.** TERIMA KASIH YB DATUK RAHMAD MARIMAN, EXCO PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI DAN HAL EHWAL AGAMA!

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 11: PEMBANGUNAN USAHAWAN, KOPERASI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

- 240.** DI KESEMPATAN INI, SAYA BERTERIMA KASIH KEPADA YB TUAN ALLEX SEAH SHOO CHIN, EXCO PEMBANGUNAN USAHAWAN, KOPERASI DAN HAL EHWAL PENGGUNA.

Inisiatif pertama: Pemerkasaan Usahawan

- 241.** Sebagai galakan meniaga dan menyemarakkan budaya keusahawanan, Kerajaan Negeri meneruskan peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit** di bawah **Program Pembangunan Usahawan**. Setakat ini, 67 orang usahawan telah dibantu dengan pembelian peralatan perniagaan masing-masing.
- 242.** Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan **Anugerah Usahawan** bagi mengiktiraf penglibatan usahawan dalam pembangunan ekonomi negeri Melaka.

Inisiatif kedua: Pemerkasaan Koperasi

- 243.** Kesinambungan kepada pemerkasaan koperasi kariah masjid, Kerajaan Negeri berbesar hati menambah peruntukan kepada **300 ribu ringgit** untuk tujuan **pemerkasaan koperasi kluster mikro**.

Inisiatif ketiga: Dana Usahawan Syarikat Mula Niaga

- 244.** Melalui Belanjawan 2025, Kerajaan Persekutuan juga telah memperkenalkan pelbagai kategori dana usahawan bagi menyokong ekosistem syarikat pemula di Malaysia seperti *National Fund-of-Funds*, Dana Perintis Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan *Cradle Fund*.
- 245.** Usahawan-usahawan Melaka wajar merebut peluang ini. Maka, saya mahu Jabatan dan Agensi yang menyelaras pembangunan usahawan seperti UPEN dan MCorp membantu usahawan kita bagi mendapatkan dana-dana yang ditawarkan.
- 246.** Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Unit Penyelaras Pelaksanaan dan Pejabat Pembangunan Negeri Melaka, atas kelulusan sebanyak **38 juta ringgit** untuk **304 institusi seperti JPKK dan 75 Persatuan Penduduk** di bawah **Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI)**.

Inisiatif keempat: Pengurusan Hal Ehwal Pengguna

- 247.** Kerajaan Persekutuan melalui Belanjawan 2025 menyediakan peruntukan berjumlah **300 juta ringgit** bagi **Program Payung Rahmah** untuk membantu rakyat dalam menangani kos sara hidup.
- 248.** Maka, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Melaka akan meneruskan **Program**

Jualan Rahmah yang akan dianjurkan sebanyak **672 kali** iaitu **dua kali sebulan di setiap DUN** pada tahun hadapan.

- 249.** **Program Kesedaran Pengguna** juga akan terus dilaksanakan bagi memberi pengetahuan mengenai harga barang serta hak dan kepentingan sebagai pengguna.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

TUMPUAN 12: PEMBANGUNAN TVET

Inisiatif pertama: Pembangunan TVET

- 250.** Sehingga Disember 2024, terdapat 65 buah institusi TVET Awam dan Swasta di negeri Melaka. Kerajaan Negeri bertekad untuk meneruskan momentum memperkasakan pembangunan TVET dengan menggalakkan kerjasama antara industri dan Institusi Pengajian Tinggi.
- 251.** Ini termasuk padanan pekerjaan, peluang latihan teknikal dan vokasional, bagi memberi manfaat kepada pencari pekerjaan dan membuka lebih banyak peluang kerjaya.
- 252.** Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan TVET Komuniti bagi memperkasa TVET melalui penerapan elemen kemahiran penduduk setempat kepada pelajar TVET yang menjalani latihan di industri-industri kecil.
- 253.** Bagi memperkuuhkan fungsi TVET, **penstrukturan semula Majlis TVET Negeri Melaka** telah diluluskan pada Mei 2024, melalui penubuhan Jawatankuasa Induk TVET yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri dan Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh Timbalan EXCO TVET Negeri Melaka.

- 254.** Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih atas peruntukan sebanyak **10 juta ringgit** yang diberikan oleh Kementerian Kewangan untuk **perkembangan TVET**.
- 255.** Dana ini akan digunakan untuk mengukuhkan program TVET dalam sektor perindustrian dan pelancongan, serta membangunkan fasiliti inovatif yang menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.
- 256.** Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha menjadikan **Melaka sebagai Pusat Kecemerlangan TVET** yang berdaya saing selaras dengan keperluan masa hadapan.
- 257.** Justeru itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan **pelbagai program bagi menggalakkan penyertaan anak-anak Melaka dalam bidang TVET**. Antaranya:
- Pengajuran **Karnival TVET 2025**: Sinergi Institusi dan Industri yang bakal melibatkan pelbagai golongan dan peringkat umur;
 - **Forum dan perjanjian MoU penempatan pelajar untuk latihan industri**; serta
 - **Program lawatan bersama para pelajar ke fasiliti industri** bagi memberi pendedahan awal serta memupuk minat berkaitan TVET.
- 258.** Sebagai **sokongan kepada agenda TVET negeri**, Kerajaan Negeri Melaka komited untuk:
- **Memperkasa jaringan kerjasama antara institusi TVET dan pemain industri**;
 - **Mempertingkatkan akses peluang TVET** kepada semua lapisan masyarakat dengan mengadakan kempen kesedaran tentang peluang TVET melalui program turun padang, pameran kerjaya dan sesi taklimat di sekolah;

- **Meningkatkan fokus kepada 5 sektor utama industri** iaitu Elektrik dan Elektronik, Automatif, Aeroangkasa, *Oil and Gas* dan *Renewable Technology*; serta
- **Menggalakkan penggunaan teknologi digital dan automasi** dalam sistem pembelajaran TVET.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

AGENDA 3: PERKHIDMATAN AWAM CEKAP DAN BERINTEGRITI

TUMPUAN 13: PERKHIDMATAN AWAM

Inisiatif pertama: Pencapaian Anugerah

259. Sepanjang tahun 2024, jentera Perkhidmatan Awam Negeri Melaka di peringkat jabatan, agensi, anak syarikat dan PBT telah menerima pelbagai anugerah yang perlu dijadikan contoh serta terus diperkasa agar perkhidmatan awam ini memberi impak kepada masyarakat keseluruhannya. Antaranya:

Pertama: **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka** telah menerima pengiktirafan **5 Bintang** dalam **Penarafan Bintang di Pentadbiran Tanah**.

Kedua: **Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Melaka** memenangi **Anugerah Pengurusan Projek Pembinaan Terbaik JPS Malaysia Bagi Kategori Projek 800 ribu ringgit hingga 10 juta ringgit.**

Ketiga: **MBMB** telah diiktiraf sebagai **salah satu daripada 10 Bandar Paling Bahagia Tahun 2024 di Malaysia**.

Keempat: **MPHTJ** telah menerima pengiktirafan ***The International Green Apple Environment Award 2024*** oleh ***The Green Organisation, London.***

Kelima: **MPAG** telah menerima **Persijilan Provisional bagi Bangunan Pentadbiran MPAG dan Masjid Al Aman, Kelemak** melalui ***Low Carbon Cities 2030 Challenge*** anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Dan;

Keenam: **MPJ** telah menerima pengiktirafan **5 Bintang** dalam **Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024.**

Inisiatif kedua: Pengukuhan Integriti

- 260.** Dalam setiap ucapan amanat saya kepada penjawat awam, saya sentiasa menegaskan tentang pembudayaan integriti, tatakelola dan tadbir urus terbaik dengan meminta semua jabatan, agensi, anak syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan negeri membangunkan ***Anti-Bribery Management System (ABMS)*** masing-masing.
- 261.** Selain itu, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka telah menerima **Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) 2024** dengan 7 Emas, 4 Perak dan 6 Gangsa.
- 262.** Oleh itu, semua penjawat awam dikehendaki **memperbaharui ikrar dan menandatangani Akta Rahsia Rasmi 1972 setiap tahun**, sebagai tanda memegang tanggungjawab dan amanah dengan penuh integriti.

Inisiatif ketiga: Transformasi Perkhidmatan Awam

- 263.** Pada tahun 2024, sebanyak **114 aduan** telah diterima pada perjumpaan **Hari Bertemu Rakyat (HBR)** dan **98.5 peratus telah berjaya diselesaikan** dalam tempoh dua minggu.
- 264.** Selain itu, terdapat **13,352 aduan** telah diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (**SISPAA**) dan **94.3 peratus telah berjaya diselesaikan**.
- 265.** Kerajaan Negeri juga telah menetapkan supaya **kaunter perkhidmatan kerajaan di negeri Melaka terus beroperasi semasa waktu rehat mulai 1 Oktober 2024** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan cekap dan efisien.
- 266.** Bagi terus menyantuni dan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan **Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR)** mulai Januari 2025, yang akan dilaksanakan **setiap dua minggu sekali**.
- 267.** Program ini melibatkan kepimpinan akar umbi, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), JPKK, JPKKB, Penghulu dan lain-lain, yang akan menyantuni rakyat dengan mendengar dan menerima maklumat mengenai isu dan permasalahan di lokaliti masing-masing untuk diselesaikan.
- 268.** Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) ini direncanakan untuk kita turun bersama... SELESAIKAN MASALAH RAKYAT... SANTUNI RAKYAT SEBAIK MUNGKIN DI SELURUH PELUSUK NEGERI MELAKA. Ingat... beradanya kita semua di dewan yang mulia ini adalah hasil daripada pilihan rakyat di luar sana.

Ketika Imam Al Ghozali bertanyakan kepada para muridnya “Apa yang paling berat di dunia ini?”. Murid-murid ada yang menjawab “besi dan

gajah". Semua jawapan adalah benar, kata Imam Ghozali, tapi yang paling berat adalah memegang amanah.

- 269.** Kepada semua wakil-wakil rakyat pilihan rakyat, junjunglah dan laksanakan tanggungjawab amanah sebaik mungkin.

Tali belati di atas peti,
Simpul rapi dibawa juragan;
Menabur bakti janganlah berhenti,
Selagi hayat dikandung badan.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 270.** Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan **Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)** berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024 untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam.
- 271.** Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik inisiatif ini dan akan menawarkan SSPA kepada 2,631 penjawat awam tetap di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.
- 272.** Peningkatan gaji ini juga akan diperluaskan kepada semua kategori penjawat awam melibatkan implikasi kewangan sebanyak **7.5 juta ringgit** pada tahun 2025.

Inisiatif keempat: Apresiasi Penjawat Awam

- 273.** Kerajaan Negeri sentiasa menghargai sumbangan penjawat awam dalam menjayakan agenda pembangunan negeri ini dengan menyediakan pelbagai insentif. Antaranya,

- **Insentif Jabatan yang memenangi Anugerah Kebangsaan dan Antarabangsa;**
 - **Insentif Kepada Jabatan Pemungut Hasil; dan**
 - **Kursus Profesional Penjawat Awam di dalam dan luar negara.**
- 274.** Bagi menghargai khidmat lelah penjawat awam sepanjang tahun 2024... Kerajaan Negeri bersetuju untuk menghadiahkan sesuatu kepada semua penjawat awam iaitu **Bantuan Khas Kewangan**.
- 275.** Apa yang boleh saya katanya, pemberian kali ini lebih baik daripada tahun-tahun sebelum ini.
- Dari Semabok menuju Peringgit,
Singgah membeli kayu sugi;
Awalnya nak bagi seribu dua ratus ringgit,
Akhirnya dapat tambah empat ratus lagi.**
- 276.** Kepada semua penjawat awam, tahun hadapan, ada lagi satu berita baik.... dengar elok-elok pantun ini.
- Cantik dan kemas tudung saji,
Tempat simpan masakan ibu;
Kita bagi setengah bulan gaji,
Paling minimum dapat seribu.**
- 277.** Pemberian ini akan disalurkan pada hujung Disember 2024 dan bulan Februari 2025. Saya berharap pemberian Bantuan Khas Kewangan ini akan menyuntik semangat penjawat awam untuk terus komited bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan perancangan tahun 2025 demi pembangunan negeri Melaka ke arah masa depan yang lebih gemilang.

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

- 278.** Kita seharusnya bersyukur kepada Allah S.W.T. atas pencapaian negeri Melaka yang kini diiktiraf di peringkat nasional sebagai sebuah negeri yang berjaya menarik pelancong dan pelaburan dalam sektor perindustrian.
- 279.** Inilah impian yang saya dambakan. Kejayaan ini adalah hasil daripada permuafakatan dan kerjasama semua pihak, termasuk kepimpinan Kerajaan Perpaduan, jentera pentadbiran negeri dan persekutuan, serta sokongan padu daripada rakyat jelata.
- 280.** Terima kasih setingginya kepada ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Timbalan EXCO, Ahli-ahli dewan undangan negeri yang berikat teguh dengan kepimpinan ini! MAAAANA LAGI? MELAKA LER!!!
- 281.** Sebelum mengundur diri, izinkan saya berkongsi kata-kata hikmah Buya Hamka:

“Jangan takut GAGAL kerana yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah.”
- 282.** Dengan ini, saya menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama mendokong Bajet 2025 ini.

Bijak Laksana Tuah,
Sama-sama kita jangan berbalah.

Berani Laksana Jebat,
Sama-sama jadikan Melaka lebih hebat.

*Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabakatuh.*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadang.